

*Lebih 1,000 akan hadir*

# Ucapan penting Mahathir mengenai isu Baitulmuqaddis

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Lebih 1,000 orang mewakili 114 bahagian Pergerakan Pemuda UMNO seluruh negara, badan-badan Islam termasuk Angkatan Bella Islam Malaysia (ABIM) dan parti-parti politik Barisan Nasional yang dipimpin oleh umat Islam, akan menghadiri Hari Baitulmuqaddis di Dewan Al-Malik Faisal, di Petaling Jaya, petang Sabtu ini.

Upacara anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia itu juga akan dihadiri oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan beberapa Menteri-menteri Kabinet.

Setiausaha Kerja Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Saidin Thamby, memberitahu, Da-

Oleh RUHANIE AHMAD

tuk Seri Dr. Mahathir dijangka memberi ucapan penting sebagai wakil Majlis Tertinggi UMNO Malaysia di perhimpunan tersebut.

Dua penceramah utama, Setiausaha Agung Perhimpunan Bella Islam Sedunia (WAMY), Dr. Ahmad Abdul Qadir Bahfizullah dan Pengetua Maktab Perguruan Islam Petaling Jaya, Dr. Abdul Hamid Othman, akan menyampaikan ceramah masing-masing pada hari tersebut.

Dr. Ahmad dijangka membincangkan Baitulmuqaddis dan perpaduan Islam manakala Dr. Abdul Hamid akan membicarakan isu Baitulmuqaddis dan perjuangan Islam.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin, juga akan menyampaikan ucapan mengenai isu tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka mengemukakan pendirian itu dan menghuraikan pendirian

UMNO serta Kerajaan, mengenai Baitulmuqaddis.

Menurut Encik Saidin, antara badan-badan Islam yang diundang menyertai majlis tersebut termasuk ABIM, Darul-Arqam dan lain-lain.

Semua umat Islam, termasuk anggota PAS, adalah dialu-alukan menghadiri perjumpaan itu. Bagaimanapun, Ibu pejabat PAS di sini memberitahu pihaknya tidak menerima jemputan rasmi mengenainya.

Ibu pejabat ABIM pula memberitahu, jemputan untuk hari tersebut hanya ditujukan kepada presidennya, Encik Anwar Ibrahim. Pihaknya belum pasti sama ada Encik Anwar akan mengahdirinya.

Encik Saidin memberitahu, tiada sebarang rumusan dijangka diambil pada hari tersebut kerana upacara itu semata-mata untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam mengenai isu Baitulmuqaddis kepada anggota-anggota Pergerakan Pemuda UMNO khususnya, dan umat Islam amnya.